

24 JUL 1996

PAS TIDAK PERLU TAKUT BUBAR DEWAN, KATA KU LI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata kerajaan Pas tidak harus berasa takut membubarkan Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai langkah menamatkan krisis kepimpinan dalam negeri itu.

Beliau berkata, pembubaran dewan merupakan cara paling baik untuk menyelesaikan masalah yang wujud di antara kedua-dua parti itu.

"Dah dia (Pas) kuat, dia mesti menang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Jamuan Makan Perdana sempena genap 15 tahun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin negara, di sini.

Mengenai perlucutan portfolio empat orang Exco dari S46, Tengku Razaleigh berkata, perkara itu akan dirujuk kepada pihak peguam.

"Kita belum semak dari segi implikasi undang-undang, itu akan diserahkan kepada peguam. Kita akan rujuk kepada orang yang pakar supaya tidak salah intepretasi," katanya.

-- BERNAMA

RAZ AHH